


CABARAN PEMBANGUNAN DILEMA PERSEKITARAN

PROSIDING

PERSIDANGAN KEBANGSAAN
Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan & Persekitaran

12 & 13 September 2003
UKM, Bangi



Gejala Sosial di Sekolah Sebagai Kesan Sampingan Pembangunan dan Cara Mengatasi: Pengalaman Pengamal Ilmu Bela Diri

Abdul Majid Ismail^{a,1}, Roziah Abdullah^b

^aDekan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan, Universiti Sains Malaysia,

^bSiswazah Lanjutan FTSM, Universiti Kebangsaan Malaysia,

¹Emel: abmajid@usm.my

Abstrak

Kertas ini membentangkan isu dan masalah yang dialami oleh pentadbir sekolah dan institusi pengajian tinggi oleh kesan sampingan pembangunan. Punca kepada masalah salah laku pelajar dikemukakan berdasarkan kajian ilmiah oleh pakar-pakar pendidikan. Pengarang yang juga pengamal ilmu bela diri secara proaktif telah cuba memainkan peranan positif menerusi kegiatan kokurikulum khususnya Seni Silat dalam membantu menangani dan mengatasi masalah sosial di beberapa buah sekolah bermasalah dan institusi pengajian tinggi. Hasil pengalaman ini dikemukakan untuk membantu membuktikan secara praktikal bahawa ilmu bela diri sebagai satu cabang ilmu sebenarnya dapat membantu mendidik anak-anak menerusi pendekatannya yang tersusun. Konsep pendidikan yang diterapkan secara tidak langsung dalam sukatan pelajarannya telah dapat merubah sedikit sebanyak peribadi yang kurang bertanggungjawab kepada peribadi yang lebih baik. Oleh itu peranan pendidikan menerusi ilmu bela diri khususnya Seni Silat Cekak Malaysia perlu diberi perhatian untuk membantu negara mengatasi sebahagian daripada masalah gejala sosial akibat kesan sampingan pembangunan.

Kata kunci: *Pembangunan sahsiah dan moral, gejala negatif, peranan ilmu bela diri.*

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan pesat untuk mencapai wawasan sebuah negara maju. Pembangunan yang terlalu pesat demi mengejar kemajuan teknologi ini juga telah menyebabkan kita menumpukan terlalu banyak masa dan tenaga kepada kegiatan ekonomi atau kemewahan yang tanpa kita sedari telah mengurangkan tumpuan terhadap pembangunan sahsiah dan moral. Salah satu cabaran yang sama-sama kita hadapi dewasa ini ialah kesan sampingan hasil ledakan kemajuan teknologi maklumat dan kelekakan kita dengan kegiatan pembangunan fizikal. Kesan sampingan ini termasuklah keruntuhan institusi keluarga dan masyarakat yang melibatkan semua peringkat dan golongan terdiri daripada orang dewasa hinggalah peringkat kanak-kanak sekolah. Pada era kemajuan pengetahuan (knowledge), teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), gejala sosial bukan sahaja masih merupakan satu isu yang kekal membelenggu kita malahan semakin rumit untuk dibentaras dengan tersebar luasnya sumber secara haram dan sulit menerusi kaedah yang sukar untuk dikawal. Pada peringkat sekolah, gejala yang masih dihadapi oleh pihak pentadbiran antara lain ialah masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas (mata pelajaran tertentu) merupakan masalah utama yang secara umumnya dihadapi oleh semua sekolah harian. Masalah ponteng sekolah tidak boleh dipandang ringan kerana ia membawa ke arah penyakit sosial seperti penglibatan dalam jenayah, kumpulan haram dan pelacuran.